

**Dr Mahathir keluar IJN hari ini**  
**Malaysiakini.com**  
**May 28, 2011**

Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini telah keluar dari Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur setelah menerima rawatan jangkitan dada, menurut pegawai khasnya Sufi Yusoff.

Beliau berkata Dr Mahathir yang keluar dari IJN pada 5 petang hari ini, bagaimanapun akan meneruskan fisioterapi dada dan latihan dari rumah.

"Doktor juga menasihatkan Dr Mahathir untuk terus berehat supaya sembuh sepenuhnya," katanya dalam kenyataan akhbar petang tadi.

Menemani Dr Mahathir pulang ke rumah ialah isteri beliau Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN pada 18 Mei lalu untuk rawatan jangkitan dada.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/165413>